

UCAPAN Y.B. MENTERI KEBAJIKAN AM MALAYSIA,  
TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM MERESMIKAN  
PERSIDANGAN TAHUNAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
KEBAJIKAN MASYARAKAT PADA 27HB. SEPTEMBER,  
1972 JAM 9.00 PAGI DI BILEK GERAKAN, KEMEN-  
TERIAN KEBAJIKAN AM, KUALA LUMPUR.

Terlebih dahulu saya suka mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan ke Persidangan Tahunan untuk Pegawai-pegawai Kanan Kebajikan Masyarakat yang akan berlangsung selama tiga hari mulai dari pada hari ini. Inilah kali kedua saya berpeluang membuka Persidangan Jabatan ini, dan seperti yang saya katakan dalam Persidangan dua tahun yang lalu, amatlah penting Pegawai-pegawai Kanan mengadakan Persidangan-persidangan Tahunan untuk mengkaji kembali kerja-kerja,

..2/-

- 2 -

rancangan-rancangan dan projek-projek yang telah dilaksanakan dalam masa antara dua Persidangan dengan hasrat dan tujuan supaya dapat kita mengetahui kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang kita alami pada masa yang lampau untuk menyusun initiatif-initiatif dan tindakan-tindakan yang baharu bagi mengatasi kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan itu. Dalam zaman pembangunan ini pegawai-pegawai kanan perlu mendedahkan hati dan fikiran mereka untuk menerima idea-idea dan ilham-ilham baharu. Pertumbuhan dan perkembangan kemajuan sesuatu negara, adalah bergantung kepada kesanggupan rakyat menerima cabaran-cabaran baharu dan dengan itu bermakna pegawai-pegawai Kerajaan tidaklah boleh berpeluk-tubuh dan berbangga dengan kejayaan yang

..3/-

telah tercapai pada masa-masa yang lampau. Makin negara berkembang maju, makin ekonomi pesat membangun, makin itulah problem-problem sosial yang baharu akan muncul pula yang perlukan kepada tindakan yang tegas bagi mengatasinya.

Seperti yang saya katakan tadi dalam Persidangan seumpama ini perlulah kita mengkaji kembali kerja-kerja yang telah dibuat dalam dua tahun yang lampau. Syukur saya ke hadrat Allah dalam masa yang singkat itu beberapa peristiwa yang menyenangkan telah berlaku.

Semenjak kita berjumpa dahulu bentuk susunan pengurusan dan pentadbiran Kementerian ini telah bertukar curak. Aktiviti-aktiviti Kementerian ini yang dahulunya

..4/-

bergerak sebagai sembilan kumpulan, telah dibahagikan menjadi hanya lima bahagian sahaja. Dengan penyusunan semula aktiviti-aktiviti kita, tanggungjawab tiap-tiap Ketua Bahagian telah bertambah dan selaras dengan itu pangkat-pangkat mereka pun telah dinaikkan. Dahulu kita mempunyai hanya satu jawatan Timbalan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat tetapi sekarang jawatan ini telah bertambah menjadi dua. Selaras dengan perkembangan yang telah berlaku banyak jawatan Pegawai-pejawai Kebajikan Masyarakat Negeri telah juga dinaikkan pangkat. Semenjak dua tahun yang lampau Tanggagaji Suffian telah dilaksanakan dan boleh dikatakan semua lapisan pegawai dan kakitangan Kementerian ini telahpun menikmati gaji kebelakangan dan tambahan gaji. Pegawai-pejawai dan

..5/-

kakitangan-kakitangan wanita sekarang menikmati gaji, taraf dan layanan yang sama. Mereka yang telah berkahwin pun sekarang telahpun dapat nikmat taraf pegawai yang berpencen. Ini semua adalah hasil daripada perjuangan pergerakan-pergerakan wanita di Negara ini untuk mendapatkan taraf dan layanan yang sama bagi pegawai-pegawai dan kakitangan wanita yang bekerja dengan Kerajaan. Setelah menerima dan merasa nikmat yang sama, maka saya berharap moga-moga pegawai-pegawai wanita kita yang bertugas dalam Kementerian ini akan menunjukkan minat dan kecekalan hati yang lebih untuk sama-sama menjalankan kewajipan masing-masing bagi kepentingan rakyat jelata.

Semenjak awal tahun 1972 sistem pengurusan

..6/-

kewangan Kementerian ini telah diubah kepada sistem P.P.B. Ini bermakna tiap-tiap rancangan yang disusun hendaklah mempunyai matlamat-matlamat atau "target-target" yang tertentu. Tiap-tiap jenis belanja pengurusan hendaklah dihetong dari segi "keuntungan" (cost benefits) yang akan diperolehi daripada modal yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan. Jika "keuntungan" (cost benefits) itu berpadanan, maka peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan satu-satu projek itu mudah diperimbangkan oleh Perbendaharaan.

Sejajar dengan sistem baharu ini semua aktiviti baik di peringkat yayasan mahupun di peringkat Bahagian dan Kementerian diperlukan membuat projection-projection atau pun ramalan-ramalan tentang cara-cara melaksanakan

..7/-

objektif-objektif atau matlamat-matlamat yang telah ditentukan dan menyukat hasil pengeluaran tiap-tiap jenis aktiviti yang dijalankan itu. Dengan sistem yang baharu ini dapatlah kita tentukan bahawa segala "modal" yang dikeluarkan oleh Kerajaan akan mendatangkan hasil yang lebih banyak dan berfaedah kepada rakyat di Negara ini. Beberapa seminar dan persidangan telah diadakan bagi Ketua-Ketua Yayasan untuk mempastikan bahawa mereka faham semasak-masaknya akan selok-belok penggunaan dan pelaksanaan sistem baharu yang saya sebutkan tadi. Berpandukan kepada pengalaman-pengalaman yang telah diperolehi dalam tahun ini, saya berharap pelaksanaan sistem baharu ini akan dapat berjalan dengan licin dan lancar mulai tahun hadapan.

..8/-

Beberapa projek pembangunan telah dapat disempurnakan oleh Kementerian kita. Antara projek-projek itu ialah Rumah Kesenangan Bukit Mertajam untuk pesakit-pesakit melarat, Rumah Orang-orang Tua Cheng, Melaka, Asrama Akhlak, Kuala Trengganu, Sekolah Akhlak Kuching, Sarawak dan Asrama Akhlak Kota Kinabalu. Selain daripada itu beberapa projek pembangunan pula sedang dalam pembinaan. Sebuah lagi Rumah Pesakit Melarat di Kuala Kubu Bharu dijangka akan siap pada awal tahun 1973. Dua buah Sekolah Akhlak, dua buah Pusat Pemulihan Wanita dan sebuah lagi Rumah Pesakit-pesakit Melarat yang ketiga dijangka akan siap pada tahun 1974.

Sekarang biarlah saya menyentuh sedikit berkenaan dengan kerja-kerja yang telah dicapai dalam bidang

..9/-

aktiviti-aktiviti Kementerian ini. Dalam Bahagian Pencegahan, Peruntukan Bantuan Kepada Keluarga Kanak-kanak Yang Berkeperluan telah ditambah sekali ganda menjadi \$178,000.00. Dengan tambahan peruntukan yang sebanyak ini, perkhidmatan ini telah dapat dikembangkan lagi. Oleh sebab itu adalah didapati bahawa bilangan kanak-kanak yang perlukan kepada perlindungan dan jagaan dalam Rumah Kanak-kanak telah banyak berkurangan. Boleh dikatakan dalam tahun ini pukulrata 20% daripada katil-katil yang disediakan di tujuh buah Rumah Kanak-kanak adalah didapati kosong sepanjang tahun. Peruntukan bantuan pelancaran yang dahulunya dikhaskan kepada pekerja-pekerja cacat sahaja sekarang dibuka kepada lain-lain gulungan pekerja persendirian yang perlukan kepada

..10/-

modal untuk memulakan sesuatu jenis perniagaan kecil. Pada tahun hadapan pula adalah diharapkan Kementerian ini dapat pula melancarkan satu projek lagi iaitu bantuan tumpangan bagi orang-orang tua. Dengan adanya rancangan ini adalah diharapkan Kementerian ini akan dapat mengurangkan bilangan orang-orang tua yang perlu diambil masuk tinggal di Rumah-rumah Orang-orang Tua. Dalam Bahagian Keluarga dan Kanak-kanak pula adalah didapati bahawa mutu layanan dan jagaan di Rumah Kanak-kanak dan di Rumah Orang-orang Tua sedang meningkat tinggi akibat pelaksanaan sistem P.P.B. Dalam bidang Pemulihan Am beberapa kemajuan telah tercapai. Di Johor umpamanya, selain daripada Workshop dan Pusat Latihan Orang-orang Cacat di Johor Bahru yang telah berkembang maju, bengkel-

..11/-

bengkel dan kedai-kedai telah dibuka di beberapa daerah dalam Negeri itu untuk penempatan pelatih-pelatih cacat yang telah tamat latihan mereka. Di Kota Baharu sebuah Workshop Perlindungan yang berasingan telah didirikan untuk pekerja-pekerja cacat yang terlatih. Dalam Bahagian Latihan pula, empat buah seminar telah diadakan baharu-baharu ini bagi ahli-ahli Lembaga-lembaga Pelawat yang bertugas dalam yayasan-yayasan Kementerian ini untuk mempastikan penyertaan rakyat yang lebih tegas dan cergas dalam usaha Kerajaan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan bagi mereka yang perlukan kepada perlindungan, jagaan dan pemulihian.

Sekarang marilah kita tumpukan pula perhatian

..12/-

kita kepada Gerakan Pembaharuan yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Tun Perdana Menteri kita baharu-baharu ini di Dungun. Dalam ucapannya semasa melancarkan Gerakan ini Y.A.B. Tun telah menegaskan bahawa kejayaan rancangan-rancangan pembangunan masyarakat bergantung kepada dua faktor, iaitu pertamanya peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab dan kedua-duanya sambutan serta kerjasama rakyat terhadap rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan itu.

Inilah yang perlu saya tegaskan pada pagi ini. Kerja-kerja kebajikan masyarakat bukanlah semata-mata tertumpu kepada aktiviti-aktiviti yang bertujuan menolong orang-orang perseorangan, sesuatu keluarga atau pun sesuatu kelumpuk masyarakat yang kecil sahaja bahkan

..13/-

meliputi tugas-tugas yang berkaitan dengan pembangunan segenap lapisan dan gulungan masyarakat. Pegawai-pejawai Kebajikan (tuan-tuan dan puan-puan) hendaklah memainkan peranan yang penting bagi mengubah sikap, adat resam yang merugikan, kepercayaan yang kolot dan amalan-amalan yang membazir yang menghalang usaha-usaha pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan. Seperti yang saya katakan tadi makin ekonomi pesat membangun, makin itulah problem-problem sosial yang baharu akan muncul yang perlukan kepada tindakan-tindakan tegas daripada kita semua. Perubahan-perubahan akan terus berlaku dan kita hendaklah mengembeling dan menggunakan tenaga rakyat supaya mereka menggunakan sepenuhnya segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan untuk membaiki dan meninggi-

..14/-

kan taraf hidup mereka sendiri. Sebagai pegawai-pejawai iktisas, saya yakin dan percaya tuan-tuan dan puan-puan akan dapat menyempurnakan tugas-tugas yang penting ini bagi menjayakan rancangan-rancangan Gerakan Pembaharuan. Saya berharap Persidangan ini akan dapat menyusun panduan-panduan dan rancangan-rancangan yang menunjukkan sumbangan-sumbangan yang boleh dibuat oleh Kementerian ini.

Akhirnya saya mengucapkan selamat maju-jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan dengan ini saya dengan sukacitanya meresmikan pembukaan Persidangan Jabatan ini bagi tahun 1972.